

**Gandingan Khalid-Zahid merosakkan demokrasi dan hak asasi, kata Lim Kit Siang  
Malaysian Insider  
Mei 26, 2013  
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 26 Mei — Keangkuhan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Tan Sri Khalid Abu Bakar yang tidak sampai sebulan memegang jawatan hanya akan merosakkan demokrasi dan hak asasi negara, kata pemimpin veteran DAP Lim Kit Siang hari ini.

Lim menyifatkan tindakan kuku besi Menteri Dalam Negeri, Ahmad Zahid dan Ketua Polis Negara (KPN), Khalid baru-baru ini selepas penahanan aktivis mahasisiwa Adam Adli Abdul Halim dan tiga lagi individu selepas itu sebagai cubaan membawa era pemerintahan autokratik alam "Mahathir".

"Terima kasih kepada Ahmad Zahid dan Khalid kerana mereka telah mengingatkan rakyat Malaysia tentang zaman buruk dibawah Mahathir dimana semua institusi dan badan dalam negara digunakan untuk satu objektif - melanggar semua hak demokratik dan asasi manusia rakyat Malaysia semata-mata untuk melindungi regim politik," kata Lim (gambar) dalam satu kenyataan semasa ucapannya pada satu program di Nusajaya hari ini.

"Gandingan KPN paling kuat 'berpolitik' dan Menteri Dalam Negeri paling kuat 'berpolitik' akan mengembangkan racun kepada demokrasi dan hak asasi manusia," tambah penasihat DAP itu lagi.

Menurut Lim lagi, kedua-dua individu paling berkuasa tersebut hanya sibuk "berpolitik" tetapi sehingga kini masih belum memberi komitmen dan kaedah untuk menangani masalah jenayah yang berleluasa.

"Sampai hari ini tidak ada satu pun kata keluar mengatakan polis akan membasmi jenayah walaupun rakyat Malaysia ketika masih bimbang dengan jenayah yang masih meluas," katanya.

Khamis lalu, pihak polis telah membuat tangkapan besar-besaran dimana tiga individu telah ditahan dibawah Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan, mereka yang ditahan ialah Ahli Parlimen (MP) Batu PKR Chua Tian Chang, ahli PAS Tamrin Ghafar dan aktivis Haris Ibrahim.

Walaupun bagaimanapun mereka dibebaskan keesokan harinya selepas majistret Norashikin Sahat tidak membenarkan permohonan reman oleh pihak polis, namun Lim membidas Ahmad Zahid kerana cuba mencampuri urusan pihak berkuasa apabila berkata akan membuat rayuan terhadap keputusan tersebut.

"Ia hanya tidak masuk akal dan keterlaluan untuk Zahid mengatakan pihak polis akan membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh majistret Norashikin Sahat pada Jumaat lalu kerana menolak permohonan polis untuk reman tiga individu tersebut.

"Sejak bila Menteri Dalam Negeri mengambil alih kuasa dan tugas membuat keputusan sama ada akan membuat rayuan terhadap keputusan mahkamah - mengatasi kuasa Polis dan Jabatan Peguam Negara?" soal Lim ke atas tindakan Ahmad Zahid yang cuba mencampuri urusan pihak polis.

Lim kemudiaannya mengarahkan kritikan ke atas Khalid serta menganggap penjelasan

KPN baru tersebut yang mengatakan pihak polis menjalankan tugas tanpa memihak kepada mana-mana pihak sebagai tidak munasabah.

"Adakah Khalid benar-benar berfikir dakwaannya polis akan bertindak tanpa rasa takut atau pilih kasih terhadap semua pihak yang melanggar undang-undang, sama ada dari Umno atau BN atau kenamaan VVIP akan dipercayai oleh rakyat Malaysia?"

"Jika ya, maka kepimpinan polis mengalami dua masalah iaitu jurang kredibiliti awam yang tenat serta mengalami sindrom penafian," tegas Lim lagi.

Pertikaian tercetus awal minggu lalu apabila Adam ditahan dibawah Akta Hasutan dan kemudiannya disusuli dengan tangkapan tiga individu lagi dipercayai ditahan kerana penglibatan mereka dalam sebuah forum pada 13 Mei terhadap keputusan pilihan raya umum lalu.

Individu pertama yang ditahan akibat forum itu dan didakwa kerana menghasut adalah aktivis mahasiswa, Adam di kompleks mahkamah Jalan Duta pagi semalam.

Mahasiswa berumur 24 tahun itu mengaku tidak bersalah dan dibebaskan dengan ikat jamin RM5,000 dan perbicaraannya ditetapkan bermula pada 2 Julai.

Ekoran tindakan keras terhadap pemimpin pembangkang dan pengkritik tersebut, pemimpin Pakatan Rakyat (PR) menuduh Barisan Nasional (BN) tidak pernah jujur dalam mahukan reformasi politik sebenar.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/gandingan-khalid-zahid-merosakkan-demokrasi-dan-hak-asasi-kata-lim-kit-siang/>